



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

KP/KPPM/6 Jld.2(16)
Tarikh: 04 Jun 2015

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 9 TAHUN 2015
PANDUAN BERKENAAN RAMBUT DAN PEMAKAIAN STEEL BANGLE
(KARA) OLEH MURID-MURID KETURUNAN SIKH

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk memaklumkan penambahbaikan panduan berkenaan rambut dan pemakaian *steel bangle* (Kara) oleh murid-murid keturunan Sikh.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2011: Peraturan Berkenaan Rambut dan Pemakaian *Steel Bangle* (Kara) oleh Murid-murid Keturunan Sikh**, no rujukan KP(BPSH-SPDK)201/005/01/Jld.4 (6) bertarikh 27 April 2011.

3. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaan, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3 tersebut telah menimbulkan kekeliruan di peringkat sekolah, kerana berdasarkan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1976: Potongan Rambut Murid-murid** no rujukan K.P.8543/Vol.II/(58) bertarikh 7 Januari 1976, yang masih berkuat kuasa, murid lelaki tidak dibenarkan berambut panjang dan menyimpan misai atau janggut atau kedua-duanya.

PELAKSANAAN

4. Pada dasarnya garis panduan serta peraturan bagi pakaian serta kekemasan diri murid di sekolah adalah bertujuan untuk keseragaman. Namun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga peka dan memahami sensitiviti keperluan agama, adat dan kepercayaan kaum di negara ini. Sehubungan dengan itu, bagi murid lelaki berketurunan Sikh, mereka dibenarkan untuk memakai serban atau jura mengikut kepercayaan dan agama mereka semasa di sekolah. Dalam hal yang demikian, **murid lelaki, guru dan kakitangan lain yang berketurunan Sikh boleh menyimpan rambut panjang, misai dan janggut atau berjambang jika mereka memakai serban atau jura. Bagi kumpulan murid lelaki, guru dan kakitangan ini, mereka tidak tertakluk kepada larangan yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1976: Potongan Rambut Murid-murid**

5. Pengecualian yang dinyatakan dalam perenggan 4 di atas, **terpakai kepada murid berketurunan Sikh yang memakai serban atau jura sahaja.** Murid berketurunan Sikh yang tidak berserban atau memakai jura, masih tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1976: Potongan Rambut Murid-murid.

6. KPM juga bersetuju membenarkan pemakaian *steel bangle* (kara) oleh murid, guru dan kakitangan lain yang berketurunan Sikh berdasarkan pegangan agama mereka. Namun bagi murid-murid sekolah berketurunan Sikh, kebenaran ini adalah tertakluk sekiranya pemakaian kara dikehendaki oleh ibu bapa/penjaga mereka

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat Pekeliling Ikhtisas ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh surat ini dikeluarkan.

PEMANSUHAN


8. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2011: Peraturan Berkenaan Rambut dan Pemakaian *Steel Bangle* (Kara) oleh Murid-murid Keturunan Sikh adalah dibatalkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. Pihak kami memohon YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan, mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k. :

1. YAB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Menteri Pendidikan Malaysia II
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
4. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
MalaysiaKementerian Pendidikan Malaysia
9. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
10. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
11. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia